



PENGAMATAN

(Dari Mendengar kepada Tindakan)

Kembali kepada Kumpulan besar

Setiap kumpulan kecil dijemput untuk berkongsi secara ringkas perspektif "Kita", dengan memberi tumpuan kepada apa yang mereka rasakan Roh Kudus sedang mengundang mereka untuk lakukan.

Bersama-sama sebagai sebuah KED, kenal pasti satu "Langkah Tindakan" yang mudah supaya Sabda Tuhan dapat berakar dalam kehidupan seharian.

Sebagai contoh:

- Sebagai individu, mendengar dengan lebih teliti kepada kaum muda dan memandang serius keprihatinan mereka.
- Sebagai komuniti, melibatkan kaum muda dengan lebih nyata dalam penegasan dan perancangan.
- Sebagai KED, mendampingi serta menyokong kaum muda dalam perjalanan iman dan misi mereka.

Doa Umat

Fasilitator menjemput semua untuk menyuarakan niat ringkas, sebagai contoh:

"Tuhan, bantu saya untuk ..."

Sahutan: "Tuhan, dengarkanlah doa kami."

Akhiri sesi dengan Doa Bapa Kami, Kemuliaan kepada Bapa, dan Salam Damai.

Lagu Penutup:

Mana-mana lagu yang sesuai boleh dinyanyikan atau dimainkan.



Diterbitkan oleh:
Peninsular Malaysia
Pastoral Team

Emel:
api@archkl.org

EDARAN DALAMAN SAHAJA

April 2026


KED Renungan

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

**FOKUS BULANAN
DAN RASIONAL:**

**MASYARAKAT:
MEMPERKASAKAN
BELIA**



Pertobatan Dalam Hubungan Antara Generasi

Kaum muda bukan sahaja masa depan Gereja. Mereka juga merupakan sebahagian daripada Gereja pada hari ini. Golongan belia merangkumi mereka yang berada pada pelbagai tahap kehidupan, daripada remaja hingga dewasa muda, dan setiap tahap membawa pengalaman, tanggungjawab, serta cabaran yang berbeza. Oleh itu, pemerkasaan belia tidak boleh didekati secara umum atau secara seragam.

Pemerkasaan dalam Gereja tidak bererti memberikan kuasa tanpa tanggungjawab, dan juga bukan bererti membiarkan kaum muda mengurus sendiri tanpa bimbingan. Sebaliknya, ia bererti mengiktiraf martabat mereka, mendengar suara mereka, dan melibatkan mereka secara bermakna dalam penegasan serta pembuatan keputusan.

Dalam Gereja yang sinodal, pemerkasaan belia berakar pada misi bersama. Kaum muda ialah sesama murid Kristus dan rakan sekerja yang turut memikul tanggungjawab dalam evangelisasi, dipanggil untuk menyumbang menurut anugerah serta tahap kehidupan masing-masing. Pemerkasaan bertumbuh apabila kepercayaan diberikan, pendampingan dihulurkan, dan ruang diwujudkan untuk penyertaan.

Pada bulan ini, kita merenungkan bagaimana komuniti kita dapat mengiktiraf, mendampingi, dan memperkasa kaum muda supaya mereka dapat menghayati iman mereka secara aktif serta turut serta dalam membina Kerajaan Allah.

MENEMUKAN

Lagu Pembukaan

Cadangan:

"Here I Am, Lord"

atau mana-mana lagu yang biasa dinyanyikan berkaitan panggilan, perutusan, dan kemuridan.

Doa Pembukaan

Allah yang Mahakasih, Engkau memanggil setiap insan dari pelbagai peringkat usia untuk mengikuti-Mu dan mengambil bahagian dalam misi Gereja-Mu. Kami bersyukur kepada-Mu atas anugerah kaum muda dalam komuniti kami.

Bantulah kaum muda agar terus bertumbuh dalam iman, keyakinan, dan tanggungjawab. Bantulah komuniti kami agar dapat berjalan bersama mereka dalam saling menghormati dan penuh pengharapan. Semoga kami dapat berziarah bersama sebagai satu Tubuh Kristus, setia kepada panggilan-Mu dan murah hati dalam pelayanan. Kami mohon semuanya ini demi Kristus Tuhan kami. Amin.



Laluan Pastoral

Pemeriksaan belia bermula dengan pengiktirafan. Kaum muda bukan sekadar pembantu atau pemimpin masa depan, tetapi anggota Gereja yang suara mereka penting pada masa ini. Pemeriksaan bertumbuh apabila mereka dipandang serius dan dilibatkan dalam perbualan yang membentuk kehidupan serta misi komuniti.

Pemeriksaan juga memerlukan pendampingan. Tahap kehidupan kaum muda yang berbeza memerlukan bentuk sokongan yang berbeza. Remaja, dewasa muda, dan mereka yang sedang melangkah ke alam kedewasaan menghadapi persoalan serta tanggungjawab yang berlainan. Berjalan bersama mereka bererti membimbing tanpa mengongkang, mendorong tanpa mendominasi, dan memberi ruang untuk pertumbuhan serta pembelajaran.

Dalam Gereja yang sinodal, pemeriksaan sentiasa berkait rapat dengan misi. Kaum muda dipanggil untuk berkongsi tanggungjawab dalam evangelisasi, pelayanan, dan kesaksian, masing-masing menurut anugerah yang dimiliki. Apabila kepercayaan diberikan dan penyertaan itu benar-benar nyata, kaum muda dapat bertumbuh sebagai murid Kristus yang yakin serta rakan sekerja dalam membina Kerajaan Allah.

KITAB SUCI

1 Timotius 4:12

Jangan seorang pun menganggap engkau rendah kerana engkau muda. Jadilah teladan bagi orang-orang percaya, dalam perkataanmu, dalam tingkah lakumu, dalam kasihmu, dalam kesetiaanmu dan dalam kesucianmu.

Berhentilah sejenak dalam keheningan doa untuk merenungkan teks ini dalam terang hubungan kita dengan ciptaan dan cara hidup kita.

BERDIALOG

(Perbualan dalam Roh)

Soalan untuk Perbualan dalam Roh:

Bagaimanakah Roh Kudus sedang memanggil kita untuk memperkasa kaum muda dengan lebih nyata dalam komuniti dan misi kita?

Bentuklah kumpulan kecil yang terdiri daripada 4 hingga 6 orang. Ikuti tiga pusingan perkongsian. Kekalkan satu minit hening antara setiap perkongsian.

Pusingan 1 – Perspektif "Saya" (Datang bersedia untuk masa heningi. Semua dijemput untuk berkongsi tetapi hanya sekali dalam tempoh kurang daripada dua minit. Tidak mengulas tentang perkongsian orang lain)

- Apakah yang paling menyentuh hati anda? Apakah yang mencabar anda? Apakah yang memberi inspirasi kepada anda?

(Ucap terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian mereka dan perhatikan 1 minit hening sebelum orang seterusnya meneruskan)

Pusingan – Perspektif "Saya dan Anda"

(Kini peserta dijemput untuk respon kepada perkongsian yang lain. Setiap orang berkongsi sekali, respon sesuatu tentang apa yang mereka dengar yang dikongsi oleh ahli lain)

Setelah mendengarkan dari orang lain:

- Apakah yang paling menyentuh hati anda? Apakah yang mencabar anda? Apakah yang memberi inspirasi kepada anda?

(Ucap terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian mereka dan perhatikan 1 minit hening sebelum orang seterusnya meneruskan)

Pusingan 3 – Perspektif "Kita" (Kini fasilitator atau ketua menjemput semua untuk mencapai kata sepakat atau persetujuan bersama tentang perkara yang dikongsi)

Fasilitator boleh bermula dengan berkata....

- ...selepas mendengar dari setiap ahli, apakah yang Roh Kudus...

(Ucap terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian mereka dan perhatikan 1 minit hening sebelum orang seterusnya meneruskan)